

22 APR 1997

Hungary-Balkan

PROGRAM KONKRIT PERLU BAGI NEGARA BALKAN

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Hungary Gyula Horn hari ini berkata, program-program yang konkrit perlu diadakan ke arah pembinaan semula dan pemulihan negara-negara bekas Republik Yugoslavia.

"Masalah utama dalam pembinaan semula dan mengembalikan keadaan ekonominya seperti biasa ialah kita tidak mempunyai program dan projek yang sesuai" kata beliau dalam persidangan berita di sini sebelum mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Horn berkata beliau telahpun membincangkan perkara itu bersama rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam semalam.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Menteri Industri, Perdagangan dan Pelancongan Hungary, Szabolcs Fazakas berkata, dalam perbincangannya dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, telah dipersetujui Hungary bertindak sebagai pangkalan terdepan dalam usaha membina semula Bosnia.

"Kita bersetuju yang Hungary boleh bertindak sebagai pangkalan terdepan kerana sebab-sebab yang praktikal dan daripada aspek geografi dengan kedutaan masing-masing saling berhubung mengenai projek-projek dan peluang-peluang kerjasama.

Horn menekankan yang peluang-peluang bagi usahasama Malaysia-Hungary adalah luas, bermula daripada Projek Landasan Keretapi Trans-Asia hinggalah kepada pembinaan semula negara-negara Balkan itu.

Beliau berkata, Hungary mahu membabitkan syarikat-syarikat Malaysia dalam pembangunan infrastruktur, pelancongan dan kawasan-kawasan perindustrian di negara itu.

Oleh kerana hubungan perdagangan yang tidak begitu luas dan pelaburan Malaysia yang sedikit sahaja di Hungary, Horn berkata usaha penubuhan Pejabat Malaysia Bagi Galakkan Eksport telah dimulakan.

Perdana Menteri Hungary juga berkata, hubungan dalam pelbagai bidang seperti sukan, pendidikan dan kebudayaan perlu diperluaskan.

Horn menjangkakan lebih banyak penyertaan Malaysia dalam kursus-kursus latihan bahasa Inggeris diadakan dan perjanjian perlu dicapai bagi saling mengiktiraf diploma dan ijazah universiti kedua-dua negara.

Beliau berkata, hubungan udara terus antara Budapest dan Kuala Lumpur juga perlu diwujudkan. -- BERNAMA

MAM PR